

# Pelajar IPTA bersih Pantai Tanjung Purun

UB 20.11.2012 B6

LABUAN: Seramai 260 pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) telah menyertai Program Pembersihan Pantai (1Malaysia Green 1Malaysia Clean) sempena Labuan Arts Festival 2012 di Pantai Tanjung Purun, kelmarin.

Mereka terdiri daripada 80 pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), 15 pelajar UiTM Kota Kinabalu dan 40 pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML).

Turut membersihkan pantai di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan itu ialah pelajar SMK Mutiara serta kakitangan jabatan dan agensi kerajaan.

Majlis perasmian program anjuran Kementerian Pelancongan Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Dr James Dawos Mamit.

Turut hadir Ahli Parlimen Labuan,

Datuk Yussof Mahal, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Zainul Abidin Abdullah dan Pengarah Pejabat Pelancongan Labuan, Faruzrahidzah Mohd Kassim.

James berkata program itu diadakan untuk memupuk semangat cintakan kebersihan di samping melahirkan kesedaran dan rasa tanggungjawab rakyat untuk menjaga alam sekitar.

Ianya juga untuk mendidik masyarakat pelbagai peringkat umur mengenai kepentingan menjaga kebersihan persekitaran terutama pantai di Wilayah Persekutuan Labuan.

“Kita mahu rakyat Malaysia sentiasa menjaga alam sekitar termasuk pantai yang sering dikunjungi pelancong dari dalam dan luar negara selain rakyat tempatan yang inginkan pantai bersih, cantik dan menarik,” katanya.



**SEBAHAGIAN** pelajar IPTA yang menyertai Program Pembersihan Pantai Tanjung Purun, Labuan kelmarin.